



Tun Mahathir bersama isteri naik MRT dari Sungai Buloh ke Putrajaya.
(Foto Twitter Dr Mahathir Mohamad)

Tun M, isteri teruja naik MRT

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memuji dan kagum terhadap prasarana serta kemudahan yang terdapat dalam perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT).

Beliau dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mendapati kemudahan yang disediakan amat baik dan disifatkan setaraf dengan negara maju ketika mereka mencuba sistem pengangkutan berkenaan, Isnin lalu.

“Umumnya saya dapati seolah-olah saya berada di negara maju. Perjalanannya amat baik. Demikian juga kemudahan yang disediakan untuk pelanggan.

“Stesen juga cukup besar dan dilengkapi dengan lif serta eskalator.

“Saya percaya kemudahan rel ini akan disambut baik oleh rakyat jika kos yang amat tinggi tidak dipedulikan.

“Tahniah saya ucap kepada anggota pengurusan MRT Sungai

Buloh-Putrajaya,” katanya dalam ciapan di Twitter.

Peluang tanya soalan

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, ketika mencuba perkhidmatan MRT, beliau dan isteri disambut petugas yang turut mengiringi perjalanan beliau.

“Pada hari ketiga raya, saya dan isteri bersama kawan-kawan mencadangkan mencuba MRT dari Sungai Buloh ke Putrajaya.

“Staff MRT sambutan baik kepada kami. Mereka turut bersama sepanjang jalan. Ini memberi peluang kepada saya bertanya beberapa soalan berkenaan prestasi MRT ini,” katanya.

Perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya Fasa Dua (MRT2) mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Mac lalu bagi memudahkan pengguna berulang alik dari ibu kota ke Putrajaya.

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sebelum ini memak-

lumkan, laluan sepanjang 57.7 kilometer itu keseluruhannya dilengkapi 36 stesen, iaitu 27 stesen bertingkat dan sembilan stesen bawah tanah, dirangkaikan dengan lapan stesen yang membolehkan pengguna menukar kepada perkhidmatan monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM).

MRT Laluan Putrajaya Dua dibangunkan dengan kos RM30.53 bilion, melalui kawasan berkepadatan tinggi seperti Bandar Sri Damansara, Kepong, Batu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Razak, Persiaran KLCC, Kuchai Lama, Seri Kembangan, Cyberjaya dan Putrajaya.

Perkhidmatan dari stesen Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral, yang dikendalikan anak syarikat Prasarana, Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) itu menggunakan 49 tren empat gerabak, yang berkapasiti 1,200 orang.